

26 SEP 1998

Mahathir-Anwar

BERI PELUANG MAHKAMAH ADILI ANWAR, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya membenarkan mahkamah membuat pengadilan terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri itu dalam keadaan tenteram tanpa sebarang tekanan.

"Lepas itu, kalau dia didapati tidak bersalah, jangan kkuatir, sokonglah (Anwar) secara terbuka," kata Perdana Menteri kepada persidangan berita yang hanya dihadiri oleh media tempatan di kediaman Sri Perdana di sini.

"Saya ingin menasihat mereka supaya membenarkan mahkamah menentukan benar atau tidak apa yang dituduh terhadap Anwar. Jangan ganggu perjalanan undang-undang negara.

"Kalau kita ganggu hakim, hakim tidak dapat jalankan keadilan," tambahnya.

Perdana Menteri berkata polis mulanya tidak langsung berhajat menahan Anwar di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) tetapi mahu menghadapkannya di mahkamah awal minggu ini.

"Polis mulanya merancang untuk menghadapkannya di mahkamah biasa, dituduh dan lepas itu dilepaskan sementara tunggu perbicaraan.

"Malangnya dia sengaja mengadakan tunjuk perasaan secara ganas dan terpaksa ditahan mengikut ISA. Dengan itu polis tidak dapat mengadakan proses menghadapnya ke mahkamah pada minggu ini," katanya, merujuk kepada tuduhan salah laku seks terhadap Anwar.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata polis juga tidak mahu mengambil tindakan semasa Sukan Komanwel ke-16 sedang berlangsung kerana sibuk dengan temasya sukan itu.

"Anwar sedar perkara ini dan sengaja mengambil kesempatan itu (mengadakan rusuhan) supaya minggu ini dia tidak dihadapkan ke mahkamah," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata Anwar memang merancang mewujudkan kekacauan seperti yang berlaku di Indonesia sebelum ini supaya perbicaraan ditangguhkan atau tidak dapat diadakan terus.

"Pada pendapat beliau (Anwar), kalau berlaku rusuhan seperti di Indonesia, kerajaan tidak dapat tadbir dengan baik...mungkin rusuhan ini melarat hingga rumah dan kedai dipecah, dan dengan itu kerajaan terpaksa disingkir atau dijatuhkan.

"Kalau kerajaan dijatuhkan seperti yang berlaku kepada Presiden Suharto, maka perbicaraan tidak akan diadakan sama sekali dan dia (Anwar) akan lepas begitu sahaja dan dengan itu tak akan terdedah segala kesalahan-kesalahannya.

"Inilah yang dilakukan oleh Anwar untuk mengelak daripada dibicarakan," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, polis terpaksa berhati-hati supaya tidak menggunakan kekerasan kerana jika berlaku kecederaan semasa cuba meleraikan demonstrasi, media asing akan memburukkan negara dan Anwar akan mendapat simpati dunia.

"Kita berada dalam keadaan serba salah. Kita nak tunjuk kita bukan kerajaan kuku besi. Sebenarnya kita mempunyai undang-undang yang cukup untuk sekat rusuhan tapi kita tidak mahu gunakannya," kata beliau.

"Sebab itu kita benarkan Anwar mengadakan rapat raksasa di Kota Baharu untuk tunjuk kita tadbir secara baik. Tapi nampaknya ini tak berkesan dan kita harus fikir cara awasi perkara macam ini kerana kita tahu kalau negara

tidak aman, banyak pihak mahu ambil peluang," kata beliau.

Mengenai media asing, Dr Mahathir berkata beliau sengaja tidak menjemput mereka pada persidangan berita itu kerana laporan mereka tidak pernah ada kebenaran.

"Hari ini saya jumpa wakil-wakil persidangan Pertubuhan Presiden Muda, mereka kata sebelum datang ada cadangan seolah-olah Malaysia dalam keadaan buruk dan mereka harus batalkan lawatan.

"Tetapi mereka terkejut kerana keadaan di sini aman dan tidak ada rusuhan," katanya.

Katanya media asing cuba memburukkan Malaysia kononnya tidak ada lagi demokrasi di negara ini dan ini mungkin akan digunakan sebagai isu oleh negara lain untuk mengenakan sekatan ekonomi terhadap Malaysia.

Katanya, media asing juga mengembar-gemburkan keadaan di Malaysia dengan menonjolkan keadaan rusuhan yang seolah-olahnya berlaku sepanjang hari hinggakan pengunjug bimbang untuk datang ke Kuala Lumpur.

Di samping itu, kata Perdana Menteri, media asing juga cuba mendapatkan simpati dunia untuk Anwar dengan menyamakan isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail seperti pemimpin pembangkang di Myanmar, Aung San Suu Kyi.

Dr Mahathir berkata beliau berasa amat sedih kerana Anwar telah melakukan perbuatan yang amat berdosa sebagai seorang umat Islam.

"Selama ini dia telah menipu bukan sahaja saya tetapi rakyat dengan menggambarkan dirinya sebagai seorang yang warak tapi sebenarnya sepanjang masa dia melakukan perbuatan yang amat keji daripada pandangan Islam dan masyarakat lain pun," katanya.

Dr Mahathir juga kesal kerana ada orang Islam yang kononnya berpegang kuat kepada Islam sanggup mempertahankan orang seperti Anwar hingga melakukan pembohongan di masjid, termasuk kononnya (Menteri Pendidikan) Datuk Seri Najib (Tun Razak) sudah meletak jawatan.

"Ini satu pembohongan. Datuk Najib telah membuat kenyataan bahawa itu tidak benar. Ini adalah satu kekotoran yang dilakukan terhadap masjid, tempat kita beribadat," katanya.

-- BERNAMA

ZKS MOK AFY AKD